

Arafat rayu bantuan NAM

Oleh Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis — Pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat, meminta Pengerak Berkecuali (NAM) jangan membiarkan rakyat Palestin bersendirian dalam perjuangan menentang keganasan Israel.

Dalam pertemuan hampir sejam dengan wakil negara-negara anggota NAM di sini hari ini, Arafat memohon negara-negara anggota NAM meneruskan bantuan politik dan kewangan bagi menyokong perjuangan rakyat Palestin.

Arafat memberitahu wakil itu, negara-negara yang memberi sumbangan kepada tabung kewangan PLO semakin berkurangan selepas berlakunya Perang Teluk di Asia Barat pada 1991.

Arafat berharap wakil yang hadir dalam pertemuan itu menyampaikan hasrat PLO kepada kerajaan masing-masing bagi membolehkan rakyat Palestin menerima nasib yang lebih baik dan terjamin di masa depan.

Wakil Malaysia dalam pertemuan itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, memberitahu pemberita mengenai permintaan Arafat kepada wakil negara-negara anggota NAM sebaik saja pertemuan itu tamat.

Dr Abdullah berkata, Arafat berhasrat menghubungi Pengerusi NAM, Presiden Suharto, untuk menyampaikan permintaan PLO itu kepadanya.

"Arafat akan menghubungi Presiden Suharto secepat mungkin untuk meminta bantuan NAM menghentikan keganasan Israel demi masa depan rakyat Palestin," katanva.

Mengenai pandangan wakil negara anggota NAM terhadap permintaan itu, Dr Abdullah berkata, mereka yang hadir amat bersimpati dengan nasib rakyat Palestin dan memberi sokongan kepada PLO.

Lebih 40 wakil negara anggota NAM hadir dalam pertemuan tertutup itu iaitu dari Libya, Maghribi, Mesir, Sri Lanka, Nigeria, Iran, Zimbabwe, Mauritius, Vietnam, Laos, Papua New Guinea, Filipina, India, Myanmar, Sudan, Peru, Iraq, Korea Utara, Oman, Arab Saudi (19), Palestin (5) dan Malaysia.

Mengenai serangan Israel terhadap penempatan Palestin di selatan Lebanon sejak tiga hari lalu menyebabkan 73 orang terkorban dan sekurang-kurangnya 500 cedera, Dr Abdullah berkata, Arafat kesal mengapa dalam proses perbincangan damai di antara Israel dan Arab, Israel masih mahu menggunakan tindakan ganas seumpama itu.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata serangan ke atas Lebanon itu jelas mengganggu proses perdamaian di Asia Barat dan meminta pemimpin terbabit menghentikan serangan supaya perbincangan boleh dijalankan dengan aman.

Mengenai permintaan Arafat supaya NAM membantu perjuangan rakyat Palestin, Abdullah berkata, permintaan itu memang tepat dan wajar.